

18/05/1999

190,000 guru naik gaji (HL)

Syuhada Choo Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Kira-kira 190,000 guru bukan siswazah Gred DG6 yang berkelulusan Sijil Perguruan Asas (SPA) di seluruh negara, akan menikmati kenaikan gaji ke Gred DGA6, mulai 1 Julai ini.

Skim baru itu menetapkan gaji permulaan Gred DGA6 ialah RM917 dan maksimum RM1,930, berbanding skim permulaan DG6 sekarang RM552 dan maksimum RM1,835.

Pelarasan gaji itu membabitkan guru yang sudah disahkan dalam jawatan dan berkhidmat sekurang-kurangnya tiga tahun sebelum atau pada 1 Julai ini.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, ketika mengumumkan perkara itu berkata, RM147 juta diperuntukkan bagi melaksanakan pelarasan gaji mengikut skim baru itu.

Menurutnya, pelaksanaan skim baru itu selaras dengan kewujudan kumpulan pertama guru lulusan Diploma Perguruan Malaysia (DPM) mulai 1 Julai ini.

Ketika ini, katanya, Kementerian Pendidikan berunding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan kesatuan guru bagi memutuskan beberapa perkara termasuk kaedah pelaksanaan pelarasan itu.

"Masih ada beberapa perkara yang perlu dirundingkan untuk mendapat kata putus tetapi kita berharap ia dapat diselesaikan menjelang 1 Julai ini," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan khas dengan guru-guru Wilayah Persekutuan, di sini hari ini.

Kementerian Pendidikan memperkenalkan DPM pada 1996 bagi menggantikan SPA yang ditawarkan di institut dan maktab perguruan, seluruh negara.

Seramai 8,808 guru pelatih kumpulan pertama yang mengikuti program DPM, akan menamatkan pengajian mereka tahun ini dan mula berkhidmat pada 1 Julai ini dengan gaji permulaan RM917.

Berucap pada majlis itu, Najib berkata kerajaan terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sentiasa prihatin dan berusaha meningkatkan martabat kerjaya perguruan.

Satu daripada caranya ialah memperkenalkan sistem kenaikan pangkat berdasarkan tempoh perkhidmatan (TBP).

Menurutnya, langkah itu selaras dengan matlamat negara untuk mewujudkan pendidikan bertaraf antarabangsa di samping keyakinan bahawa Malaysia mampu menjadi negara maju dalam tempoh terdekat.

"Guru adalah kumpulan terbesar dalam perkhidmatan awam di negara ini. Satu pertiga daripada jumlah kakitangan perkhidmatan berada dalam kerjaya perguruan.

"Pembelaan nasib guru menjadi agenda penting Kementerian Pendidikan dan saya berjanji usaha ini akan diteruskan. Ia bukannya slogan atau simbolik tetapi usaha bermakna bagi mengangkat martabat kerjaya perguruan," katanya.

Beliau turut menegur tindakan segelintir guru yang cuba meracuni fikiran pelajar supaya menentang kerajaan dan pemimpin.

"Walaupun bukan semua guru terbabit, seperti kata pepatah seekor kerbau membawa lumpur, habis semua terpalit.

"Oleh itu, adalah penting bagi guru membetulkan keadaan dan kembali kepada tugas utama dengan berpandukan syarat perkhidmatan awam serta memelihara kerjaya perguruan yang mulia ini," katanya.

Kira-kira 1,500 pengetua, guru besar dan guru dari sekolah di seluruh Wilayah Persekutuan menghadiri majlis yang diadakan di Pusat Islam itu.

Hadir sama Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Abdul Shukor Abdullah.

(END)